



Wang Kertas RM10

Flora – Hutan tropika Malaysia yang tumbuh subur mempunyai berjenis-jenis pokok berbunga dan antara yang paling ikonik ialah bunga yang terbesar di dunia iaitu Rafflesia. Spesies *Rafflesia Azlanii* yang dipaparkan pada wang kertas RM10 baharu ini merupakan spesies asli Semenanjung Malaysia dan mula-mula sekali ditemui di Hutan Simpan Royal Belum di negeri Perak pada tahun 2003.



Wang Kertas RM20

Hidupan Laut – Dua spesies penyu terkenal dan hanya dijumpai di perairan Malaysia iaitu Penyu Karah (*Eretmochelys imbricata*) dan Penyu Belimbing (*Dermochelys coriacea*), yang juga merupakan lambang hidupan laut yang pelbagai dan berwarna-warni di perairan tropika kita, dipaparkan pada wang kertas RM20 baharu.



Wang Kertas RM50

Pertanian dan Teknologi – Kelapa sawit dan bioteknologi dipaparkan pada wang kertas RM50 sebagai ikon ekonomi Malaysia yang berkembang maju. Kelapa sawit telah menjadi tanaman pertanian negara yang paling utama daripada segi ekonomi kerana Malaysia merupakan salah satu pengeluar dan pengeksport terbesar kelapa sawit di dunia. Bioteknologi terus meningkatkan kedudukan komoditi ini dalam rantai nilai, menyokong transformasi ekonomi negara ke arah aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi.



Wang Kertas RM100

Keajaiban Alam Semula Jadi – Dua keajaiban alam semula jadi terkemuka negara dipaparkan pada wang kertas RM100. Keajaiban alam semula jadi yang mengagumkan ini ialah Taman Kinabalu di Sabah, dengan Gunung Kinabalu yang hebat dan agung (iaitu gunung tertinggi di Asia Tenggara) dan pembentukan batu mercu batu kapur yang menakjubkan di lembah Gunung Api, yang ditemui di Taman Negara Mulu di Sarawak.



RM10 Banknote

Flora – Malaysia's lush tropical jungle, is home to a spectacular variety of flowering plants. Most iconic amongst them is the Rafflesia, the world's largest flower. The *Rafflesia Azlanii* species featured on the new RM10 banknote is indigenous to Peninsular Malaysia and was first discovered in the Royal Belum Forest Reserve of the state of Perak in 2003.



RM20 Banknote

Marine Life – As ambassadors of the rich and colourful marine life found in our tropical waters, two of the most well-known species of sea turtles endemic to Malaysian waters are on the new RM20 banknote – the Hawksbill Turtle (*Eretmochelys imbricata*) and Leatherback Turtle (*Dermochelys coriacea*).



RM50 Banknote

Agriculture and Technology – Oil palm and biotechnology are featured on the RM50 banknote as Malaysia's thriving economy icons. Malaysia is one of the largest producers and exporters of palm oil in the world. Biotechnology continues to drive this commodity up the value chain, supporting the nation's economic transformation towards higher value-added activities.



RM100 Banknote

Natural Wonders – Malaysia's two prominent natural wonders are portrayed on the RM100 banknote. These are the Kinabalu Park in Sabah, home to the majestic Mount Kinabalu (the highest mountain in Southeast Asia) and the spectacular limestone pinnacle rock formations of Gunung Api valley, found within the Mulu National Park in Sarawak.